

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: PELANCARAN MAJLIS PERDAGANGAN MALAYSIA

TEMPAT: HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR (K.L)

TARIKH: 28 FEB 1991

MASA:

Yang Amat Berhormat Encik Ghafar Baba,  
Timbalan Perdana Menteri;  
Yang Berhormat Menteri-Menteri;  
Dif-Dif Kehormat;  
Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya merasa sukacita kerana dapat hadir bersama-sama di  
Majlis Pelancaran Majlis Perdagangan Malaysia, dan sebagai  
pengerusinya saya mengucapkan terima kasih atas kehadiran  
tuan-tuan dan puan-puan.

2. Perjumpaan kita ini adalah pada permulaan dekad 90-an  
-- pada masa negara kita dan rantau ini menghadapi cabaran  
yang besar. Sebagai sebuah negara, usia negara kita hampir  
34 tahun. Bagi sebuah negara, usia ini tidaklah begitu  
lama, tetapi bagi sebuah negara yang sedang membangun yang  
telah dapat mengawal dan menentukan tujuan serta matlamatnya  
hanya selepas merdeka, ini merupakan satu jangka masa yang  
sangat bermakna.

3. Dalam masa tiga abad yang pertama negara ini merdeka,  
kita telah maju begitu pesat daripada sebuah negara yang  
berpendapatan rendah, ekonominya yang mundur, bergantung  
semata-mata kepada getah dan bijih timah sebagai sumber  
kekayaan ekonomi yang utama, kita telah meningkat kepada  
sebuah negara yang telah mempelbagaikan bidang ekonominya  
kepada sektor perkhidmatan dan perindustrian, dengan  
disokong oleh sistem kewangan yang canggih. Namun kita  
tidak membelakangkan pengeluaran bahan-bahan utama.  
Sebaliknya kita telah meningkatkan kemampuan daya saing kita  
dan telah memasuki pelbagai bidang komoditi yang baru yang  
telah memberi pulangan tukaran asing yang banyak.

4. Daripada segi ukuran apapun kita telah berjaya tetapi  
ini tidaklah bermakna kita boleh leka. Kita mesti berusaha  
untuk menjadi sebuah negara yang maju setanding dengan  
negara-negara di Eropah dan juga Amerika Utara. Ini mungkin  
tidak akan tercapai esok, tahun depan mahupun pada  
penghujung kurun, tetapi kita tidak seharusnya berasa  
kecewa. Setiap sesuatu mesti ada permulaannya. Kita  
sudahpun melangkaui langkah pertama. Sekarang kita mesti  
teruskan dengan langkah yang lebih cepat lagi.

5. Untuk memudahkan pencapaian matlamat kita, kita mesti

menyusun satu cara baru dan melangkau jauh -- dalam bidang-bidang utama institusi negara kita, dalam bidang budaya ekonomi, penyusunan semula dan inovasi. Namun demikian yang paling utama ialah kita mesti memahami matlamat kita dan jalan menuju ke arahnya. Kita di sini bermaksud kita semua -- kerajaan, sektor swasta, para pekerja, pihak pengurusan dan semua institusi yang secara terus ataupun tidak terlibat dalam pembangunan negara ini.

6. Aspirasi kebangsaan ini mestilah dikongsi bersama di setiap peringkat. Ini bukanlah angan-angan besar yang kita cita-citakan. Ianya adalah satu wawasan yang boleh dicapai, asalkan kita semua bekerjasama.

7. Kerajaan telahpun melahirkan konsep Persyarikatan Malaysia, satu konsep yang berasaskan perkongsian di antara kerajaan dan sektor swasta, satu konsep negara sebagai syarikat gergasi dalam mana sektor awam dan swasta bersama-sama ditugaskan ke arah memastikan kejayaan dan berhak menikmati keuntungan bersama. Meskipun pada peringkat awal ada kecurigaan, namun konsep ini telah diterima oleh semua. Hari ini pegawai-pegawai kerajaan lebih bersikap sedia membantu pihak swasta dan mereka sentiasa berusaha memperbaiki perkhidmatan mereka melalui cara-cara terbaru. Masa di mana para pegawai kerajaan tidak menghiraukan berjaya atau tidaknya sektor swasta telahpun berlalu. Mereka sekarang menerima dan memahami bahawa sektor swasta bukan sahaja tidak semata-mata membuat keuntungan untuk dirinya sendiri tetapi juga menyumbang ke arah pembangunan ekonomi dan dengan demikian untuk kebaikan semua, termasuk pegawai-pegawai kerajaan sendiri. Sektor swasta yang mengalu-alukan konsep Persyarikatan Malaysia tidak harus hanya mengharapkan perkhidmatan yang lebih baik daripada Kerajaan tetapi juga mesti menyumbang ke arah menjayakannya. Mereka mesti berusaha memudahkan kerajaan untuk memberi khidmat dengan memahami peranan dan aturan peraturan kerajaan dan perhatian berat kerajaan ke atas keadilan sosial dan ekonomi bagi semua rakyat.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Eloklah kita semua jelas mengenai perkara ini. Ini tidak sekali-kali bermakna bahawa kerjasama di antara sektor awam dan swasta adalah satu perkara yang harus dan perlu. Ada kerjasama yang produktif dan ada juga kerjasama yang tidak produktif. Kerjasama yang menghasilkan akibat-akibat sosial yang negatif, yang menggagalkan pencapaian nilai-nilai dan aspirasi kebangsaan mesti ditentang.

9. Dalam banyak bidang, hubungan sektor awam dan swasta tidak boleh terlalu rapat. Dalam banyak isu perlu ada peraturan yang produktif. Apa yang baik bagi sektor swasta tidak semestinya baik untuk rakyat pada amnya. Walau bagaimanapun kita perlu bekerjasama dalam banyak bidang. Majlis ini adalah salah satu mekanisma yang bertujuan untuk terus menyumbang ke arah hubungan baik di antara kedua-dua sektor.

10. Saya percaya ramai daripada ahli Majlis ini juga menjadi ahli beberapa majlis lain tetapi Kerajaan menganggap penubuhan Majlis ini satu langkah yang penting bagi merapatkan sektor awam dan sektor swasta pada peringkat yang paling tinggi bagi membincangkan perkara-perkara mengenai kepentingan negara. Majlis ini adalah satu Majlis yang kecil -- terdiri daripada sepuluh orang Menteri, lapan pemimpin daripada sektor awam dan empat puluh empat orang pemimpin daripada sektor swasta. Ianya kecil kerana ini perlu bagi memudahkan perbincangan kita dalam suasana yang berterus terang dan rapat. Keahlian tuan-tuan dan puan-puan merupakan tanggungjawab kepada negara dan juga rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Majlis ini akan mempunyai empat matlamat utama:  
Pertama, untuk memudahkan pengaliran maklumat dan idea-idea antara sektor awam dan swasta;  
Kedua, untuk menyelesaikan masalah-masalah berkaitan dengan kemajuan industri dan perdagangan dan untuk mengatasi halangan-halangan terhadap pertumbuhan ekonomi;  
Ketiga, untuk mewujudkan persefahaman yang lebih baik bagi menguatkan hubungan di antara sektor awam dan swasta, dan  
Keempat, untuk mengesan dan mempertingkatkan bidang-bidang kerjasama dan pakatan di antara sektor awam dan swasta.

12. Untuk mengisi matlamat-matlamat ini, bidang tugas Majlis ini adalah seperti berikut:

Pertama, untuk mengkaji dengan mendalam perkembangan perdagangan dan ekonomi negara dan antarabangsa yang penting bagi pertumbuhan industri dan ekonomi di Malaysia;  
Kedua, untuk membincang secara mendalam persoalan-persoalan dan masalah-masalah masa kini dan masa hadapan yang menyentuh perkara perdagangan dan perindustrian;  
Ketiga, untuk mengkaji serta menyarankan pelbagai langkah perlaksanaan dan strategi;  
Keempat, untuk menghasilkan sistem maklumbalas tentang persoalan-persoalan dasar dan pembangunan yang berhubung dengan perindustrian dan perdagangan;  
Kelima, untuk mengatasi kesalahfahaman dan hambatan-hambatan yang menghalang terbentuknya kerjasama yang bermanfaat di antara sektor awam dan swasta, dan  
Keenam, untuk melahirkan muafakat tentang arah dan strategi pembangunan ekonomi negara.

13. Sebagai Ahli Majlis ini saya akan berterus-terang. Sebagai Ahli-Ahli Majlis ini juga saya berharap tuan-tuan dan puan-puan sekalian juga berterus-terang. Tidak akan berlaku penelitian atau perbincangan secara mendalam jika kita tidak berterus-terang. Kita tidak akan dapat mengatasi sebarang salah faham dan rintangan ke arah tercapainya kerjasama yang produktif jikalau kita gagal memberi fikiran yang jelas dan terang. Pilihan dan strategi yang praktikal

akan hanya timbul jikalau kita bertukar maklumat dan fikiran dengan bebas dan jelas. Saya berharap setiap para anggota Majlis akan berhujah dan mendengar secara serius dengan hati dan fikiran terbuka.

14. Adalah penting dan mustahak untuk tuan-tuan dan puan-puan memberi keutamaan kepada mesyuarat-mesyuarat Majlis ini. Untuk menyediakan sokongan pengurusan yang diperlukan, Kerajaan telah mewujudkan sebuah Pusat Perkhidmatan dan Penyelidikan Ekonomi yang bertempat di ISIS Malaysia dengan kakitangan yang cukup. Pusat ini akan dipertanggungjawabkan terhadap penyelidikan, urusetia, perkhidmatan-perkhidmatan organisasi dan pentadbiran untuk Majlis Perdagangan Malaysia. Kerajaan telah menyediakan peruntukan tahunan bagi membiayai belanja operasi Pusat Perkhidmatan dan Penyelidikan Ekonomi ini. Pihak swasta tidak dimestikan memberi sumbangan kewangan terhadap Pusat ini dan membiayai kerja-kerjanya. Sungguhpun begitu persediaan telah dibuat supaya semua sumbangan daripada sektor swasta kepada Majlis ini dikecualikan daripada dicukai.

Tuan-tuan dan puan-puan

15. Pada hemat saya adalah sesuai bagi saya memberi imbasan keadaan ekonomi di negara kita dan di seluruh dunia. Selepas tahun 1985-86 di waktu berlakunya kemelesetan, ekonomi kita telah pulih dengan pesatnya dan mencapai kadar pertumbuhan yang cemerlang. Perindustrian di negara kita semakin meningkat dan kita sekarang mengeksport lebih banyak barang-barang perkilangan dibandingkan dengan bahan-bahan utama. Sementara dahulu pembangunan adalah berasaskan kepada perbelanjaan awam tetapi sekarang ini sebahagian besar daripada pertumbuhan ekonomi adalah hasil aktiviti-aktiviti sektor swasta.

16. Pembangunan negara kita masih lebih banyak berasaskan kepada eksport dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan eksport. Pasaran dalaman kita masih terlalu kecil untuk dijadikan jentera pertumbuhan. Pendapatan per kapita kita ialah satu per lima pendapatan per kapita negara-negara maju. Dengan demikian apa yang berlaku kepada ekonomi dunia dan terhadap dagangan bebas adalah penting kepada kita.

17. Sungguhpun berlaku perang Teluk, Malaysia sebagai negara pengeksport minyak telah berjaya mengimbangkan sedikit sebanyak kesan terhadap pengeluaran dan harga minyak. Sungguhpun begitu kita tidak terlindung sepenuhnya daripada kesan-kesan akibat peperangan tersebut. Kita telahpun merasai kesan daripada berkurangnya penerbangan udara, kekurangan kapal-kapal kerana keperluan peperangan, kenaikan kos pengangkutan dan insuran, kekurangan pertumbuhan ekonomi dan kemungkinan berlakunya kemelesetan di negara-negara perdagangan utama kita. Eksport kita ke negara-negara yang terlibat dalam peperangan di Teluk telah bekurangan akibat risiko-risiko peperangan, masalah-masalah logistik dan kesukaran menembusi pasaran-pasaran ini. Kenaikan harga minyak yang diramalkan tidak berlaku. Nampaknya bekalan berlebihan akan berlaku semasa dan selepas

perang.

18. Jelaslah bahawa Malaysia tidak akan mencapai kadar pertumbuhan seperti pertumbuhan dalam masa tiga tahun yang lepas, jikalau kita hanya berdiam diri dan tidak berbuat sesuatu. Kerajaan telahpun membuat satu kajian yang komprehensif mengenai kesan sekarang dan kesan yang mungkin berlaku terhadap kita akibat perang Teluk ini. Untuk menjamin kesan buruk terhadap ekonomi kita di tahap minima akibat peperangan ini, kita perlu bertindak dan membuat penyesuaian. Kita mesti bersedia mengelak daripada hanya meneruskan amalan-amalan yang lampau. Kita mesti sedia mengambil risiko, risiko yang berpatutan.

19. Kerajaan sedia untuk membuat penyesuaian-penyesuaian ini. Kerajaan bersedia untuk mendengar, menimbang dan menyokong sektor swasta. Saya berharap Majlis ini akan memainkan peranan utama di saat kita menghadapi masa hadapan yang mencabar. Insya-Allah, dengan bersatu tenaga kita boleh mengatasinya.

Tuan-tuan dan puan-puan

20. Kejayaan Majlis ini bergantung kepada semangat bertanggungjawab dan komitmen setiap ahlinya. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua anggota Majlis yang telah bersetuju menyertainya. Dengan kebijaksanaan dan pengalaman tuan-tuan dan puan-puan serta sumbangan daripada sektor-sektor lain dalam masyarakat, saya yakin kita akan bersama-sama merangka arah dan matlamat negara yang lebih jelas. Saya yakin kita dapat bekerjasama dengan rapatnya.

Tuan-tuan dan puan-puan

21. Dengan ini saya dengan sukacitanya melancarkan Majlis Perdagangan Malaysia ini.